

SOALAN NO: 539

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMPUT]
RUJUKAN : BL12 [PR-1352-T01124]
SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan butiran tawaran pampasan kepada penduduk rumah panjang di Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur dan status bantahan Persatuan Penduduk TTDI terhadap projek pembangunan di Taman Rimba Kiara, yang sudah pun disenaraikan sebagai kawasan terbuka awam di bawah Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menjalankan Kaedah 5 (proses pelawaan bantahan) pada 14 Jun 2016 sehingga 29 Jun 2016.

DBKL telah menerima 3 pihak utama yang mengemukakan bantahan iaitu Persatuan Penduduk Taman Tun Dr. Ismail (yang mewakili 2000 – 3000 ahli), Perbadanan Pengurusan Trelliesses (82 pemilik) dan Kiara Green Management Corporation (91 pemilik).

Antara 4 bantahan utama yang dikemukakan adalah:

- (i) penduduk akan kehilangan taman rimba (green lungs) di kawasan ini;
- (ii) kesesakan lalu lintas akan bertambah;
- (iii) pembangunan ini akan memberi kesan kepada penduduk dan alam sekitar; dan
- (iv) pertambahan kepadatan penduduk akan menjejaskan kesejahteraan penduduk yang tinggal di kawasan Taman Tun Dr. Ismail.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan ini tidak melibatkan kawasan Taman Rimba Kiara seperti bantahan yang diterima. Mengenai kesesakan lalu lintas, DBKL telah mensyaratkan pemaju menyediakan Laporan *Traffic Impact Assessement* (TIA) yang lengkap dengan mengambil kira kawasan pembangunan dan sekitarnya. Kepadatan penduduk yang dipertimbangkan telah mengambil kira keluasan tapak ini yang mampu menyediakan kemudahan mencukupi serta mematuhi syarat-syarat teknikal perancangan.

Pemaju juga disyaratkan melantik Jurutera Bertauliah sebagai pemeriksa bebas (*Independent Checker*) untuk kerja-kerja kejuruteraan semasa pembinaan dilaksanakan bagi memastikan keselesaan penduduk tidak terjejas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sesi Pendengaran bantahan penduduk telah dijalankan pada 29 Ogos 2016. Selepas mengambil kira semua pandangan dan bantahan penduduk, permohonan ini telah diluluskan dan Perintah Pembangunan telah dikeluarkan pada 13 Julai 2017. Pihak DBKL melalui proses Kaedah 6 telah memaklumkan keputusan permohonan ini kepada pembantah-pembantah pada 3 Ogos 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, DBKL telah menyediakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang menentukan secara indikatif cadangan guna tanah bagi keseluruhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam hal ini, persempadanan sebenar zon guna tanah adalah tertakluk kepada hakmilik tanah yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTG).